

# Bubar Parlimen awal tetap tertakluk perkenan Seri Paduka

Oleh Datuk Dr Jayum Jawan  
bhrencana@bh.com.my



Profesor Sains Politik Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Felo, Akademi Sains Malaysia

Majlis Taklimat Presiden UMNO juga memperlihatkan desakan terbuka Ahmad Zahid kepada Ismail Sabri yang juga Naib Presiden supaya patuh keputusan parti untuk membubarkan Parlimen dan menyegerakan PRU-15.

Namun setakat ini, Perdana Menteri boleh disifatkan dalam keadaan ‘masih bertahan’. Cuma, persoalan yang timbul kini ialah, siapakah sebenarnya yang memiliki kuasa dan berhak menentukan PRU boleh diadakan?

Secara umumnya, berdasarkan Perkara 43 (4) Perlembagaan, kuasa membubarkan Parlimen terletak kepada Perdana Menteri. Perdana Menteri sahaja boleh menghadap dan meminta perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen lebih awal kerana dua faktor iaitu mahu pilihan raya diadakan atau beliau hilang sokongan majoriti di Parlimen.

Namun, situasi Ismail Sabri adalah unik. Beliau menjadi Perdana Menteri, tetapi bukan ketua parti komponen Barisan Nasional (BN) atau Presiden UMNO.

Dalam tempoh beberapa minggu ini, tersebar khabar mengatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menerima tekanan paling kuat daripada parti beliau sendiri, iaitu UMNO yang mahu Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) diadakan segera.

Dakwaan itu seperti berasas jika melihat kepada ‘peristiwa’ berlaku minggu lalu menyaksikan ketua UMNO bahagian seluruh negara dipanggil menghadiri mesyuarat tergempar bersama Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan pemimpin tertinggi parti.

Majlis Taklimat Presiden UMNO juga memperlihatkan desakan terbuka Ahmad Zahid kepada Ismail Sabri yang juga Naib Presiden supaya patuh keputusan parti untuk membubarkan Parlimen dan menyegerakan PRU-15.

Namun setakat ini, Perdana Menteri boleh disifatkan dalam keadaan ‘masih bertahan’. Cuma, persoalan yang timbul kini ialah, siapakah sebenarnya yang memiliki kuasa dan berhak menentukan PRU boleh diadakan?

Secara umumnya, berdasarkan Perkara 43 (4) Perlembagaan, kuasa membubarkan Parlimen terletak kepada Perdana Menteri. Perdana Menteri sahaja boleh menghadap dan meminta perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen lebih awal kerana dua faktor iaitu mahu pilihan raya diadakan atau beliau hilang sokongan majoriti di Parlimen.

Namun, situasi Ismail Sabri adalah unik. Beliau menjadi Perdana Menteri, tetapi bukan ketua parti komponen Barisan Nasional (BN) atau Presiden UMNO.

Ismail Sabri adalah Naib Presiden dan Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO. Berdasarkan hierarki itu, kedudukan beliau dikongsi dengan dua lagi Naib Presiden UMNO.

Selain Presiden UMNO yang juga Pengurus Barisan Nasional (BN), Pengurus Perikatan Nasional (PN) juga boleh memberi tekanan kepada Ismail Sabri sama ada mahu PRU-15 diadakan lebih atau sebaliknya. Ini kerana Ismail Sabri juga Perdana Menteri disokong PN.

## Kuasa prerogatif Perdana Menteri

Maka secara protokol, Ismail Sabri memiliki tanggungjawab kepada Ketua PN yang mendukung beliau sebagai Perdana Menteri PN. Namun, tekanan daripada PN tidak begitu kuat ketika ini.

Sekurang-kurangnya, belum kedengaran apa PN dan sekutunya mahu dengan Ismail Sabri berhubung isu PRU-15 awal atau sehingga berakhir peng-

“ Mengikut Perkara 40(2)(b) Perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong boleh bersetuju dan boleh juga tidak bersetuju atas permintaan Perdana Menteri”

gal Parlimen ke-14.

Kuasa memohon Parlimen dibubar adalah prerogatif Perdana Menteri. Presiden UMNO boleh memohon dan mendedak Ismail Sabri melakukan kerana Ismail Sabri secara tradisinya perlu bertanggungjawab kepada presidennya.

Jika dibandingkan dengan negara luar, terutamanya Amerika Syarikat (AS), Presiden adalah jawatan dipegang seorang ahli parti sama ada Republikan atau Demokrat, tetapi Presiden Republikan atau Demokrat adalah orang lain.

Justeru, amalan di AS jelas iaitu peranan sebagai ketua parti dan ketua kerajaan dipegang dua individu berbeza daripada parti sama. Ini berbeza dengan Malaysia sebelum ini kecuali selepas Ogos 2021 apabila Ismail Sabri dilantik sebagai Perdana Menteri kesembilan.

Sehubungan itu, adakah PRU perlu diadakan sekiranya Ismail Sabri memohon kepada Yang di-Pertuan Agong supaya Parlimen dibubarkan? Mengikut Perkara 40(2)(b) Perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong boleh bersetuju dan boleh juga tidak bersetuju atas permintaan Perdana Menteri.

Jika melihat dari sudut Perlembagaan, permohonan Perdana Menteri itu belum tentu akan mendapat jawapan diinginkan pihak yang menuntut PRU-15 dipercepatkan.

Ini kerana baginda boleh memilih tidak memberi perkenan permintaan Perdana Menteri untuk membubarkan Parlimen. Sebaliknya, baginda boleh memilih untuk melantik Ahli Parlimen lain yang pada pendapat baginda akan mendapat sokongan majoriti di Dewan Rakyat seperti berlaku sebelum ini.

Oleh sebab itu, walau apa pun tekanan dihadapi Perdana Menteri, tanggungjawab dirinya sebagai ketua kerajaan ialah kepada rakyat dan bukan kepada puak tertentu yang mungkin mempunyai agenda tersendiri.